

GAYA KEPIMPINAN JURULATIH DI PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH

PROF MADYA DR. MOHD. SOFIAN OMAR FAUZEE,
WEE AKINA SIA SENG LEE
Universiti Putra Malaysia

HAJI SAZALI YUSOF, PhD
Institut Aminuddin Baki (Utara)

MOHD NIZAM NAZARUDDIN
Universiti Malaysia Sabah

ROSLAN HAJI SALIKON
Universiti Malaya

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat perbandingan antara jenis sukan dan jantina terhadap gaya kepimpinan jurulatih sukan yang diminati oleh atlet di sekolah menengah di daerah Segamat. Responden kajian ini terdiri daripada 162 atlet sekolah yang berumur antara 13 hingga 16 tahun yang mewakili sekurang-kurangnya sekolah dalam pertandingan acara sukan 2006 (bola sepak, bola jaring, bola tampar, badminton, tenis, skuasy, ping pong, bola baling, bola keranjang, silat, sepak takraw dan olahraga). Soal selidik "Leadership Scale for Sport" (LSS) oleh Chelladurai dan Saleh (1980) digunakan untuk mengukur perbandingan gaya kepimpinan jurulatih antara jantina dan jenis sukan iaitu sukan berbentuk individu dan sukan berpasukan di kalangan atlet sekolah. Kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan ($p < .05$) di antara jantina dalam gaya dimensi demokratik, autokratik dan ganjaran. Manakala jenis sukan iaitu sukan individu dan berpasukan tidak menunjukkan hubungan yang signifikan ($p > .05$) dalam setiap dimensi kepimpinan, di mana. Analisis One Way ANOVA terhadap peringkat pencapaian atlet juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dalam gaya latihan dan arahan, autokratik, dan ganjaran. Cadangan-cadangan untuk kajian akan datang juga diutarakan.

PENGENALAN

Kepimpinan merupakan subjek yang telah dikaji melebihi satu abad. Sehingga hari ini, para pengkaji masih tidak pasti apakah yang menjadikan seseorang itu pemimpin yang efektif. Dari kajian yang dijalankan, kebanyakan penulis bersetuju kepimpinan melibatkan proses pengaruh, di mana kepimpinan selalu didefinisikan sebagai proses mempengaruhi aktiviti pengikut-pengikut ke arah pencapaian matlamat. Untuk mencapai objektif kepimpinan, kebanyakan pemimpin terlibat dalam kepimpinan transaksional, iaitu dalam kepimpinan berbentuk urusan niaga. Kepimpinan jenis ini melibatkan pertukaran ganjaran terhadap pencapaian oleh subordinat. Secara spesifiknya, subordinat diberi ganjaran jika mampu mencapai sesuatu objektif, atau dihukum jika gagal. Dalam sukan adalah menjadi kebiasaan kepada atlet-atlet diberi ganjaran untuk pencapaian yang baik.

Kajian yang telah dijalankan oleh Carthen (2005), di mana beliau telah menggunakan instrumen Leadership Scale for Sport (LSS) yang diambil dari versi Chelladurai dan Salleh (1980), serta Group Environment Questionnaire (GEQ) yang diambil dari versi Carron et al. (1985) untuk menguji dimensi gaya kepimpinan yang dipraktikkan dalam bola sepak profesional. Pada peringkat permulaannya pengkaji telah mengkaji fenomena kepimpinan yang diminati oleh pemain-pemain bola sepak peringkat profesional, di mana pengkaji telah mencadangkan kajian lanjutan perlu dilakukan. Berdasarkan kepada cadangan dan kelemahan kajian tersebut, kajian ini akan mengkaji antara gaya-gaya kepimpinan jurulatih yang disukai oleh atlet di peringkat sekolah kerana ia sedikit sebanyak boleh membawa kepada kejayaan kepada sesebuah pasukan.

Sehubungan itu, jenis sukan di mana ahli kumpulan terlibat boleh mempengaruhi tingkah laku kepimpinan yang berkesan kepada sukan individu dan pasukan (Terry & Howe, 1984). Berdasarkan model multidimensi Chelladurai (1980) tentang kepimpinan, dua perkara dikenalpasti mungkin penting dalam menentukan keberkesanan tingkah laku kepimpinan dalam sukan, iaitu jenis sukan dan kerjasama antara ahli pasukan. Sukan diklasifikasikan kepada terbuka dan tertutup. Sukan terbuka adalah termasuk sukan-sukan yang memerlukan pelbagai kemahiran dalam perubahan persekitaran yang konsisten (contohnya, bola sepak, bola keranjang, bola baling), manakala sukan tertutup merujuk kepada sukan-sukan yang dipersembahkan dalam persekitaran yang stabil, statik dan tidak berubah (contohnya, gimnastik, renang, olahraga).

Walau bagaimanapun, Terry dan Howe (1984) mendapati tiada sokongan kepada hipotesis bahawa atlet dari sukan-sukan terbuka berbeza dalam tingkah laku kepimpinan jurulatih digemari oleh peserta yang menyertai dalam sukan-sukan tertutup. Sebaliknya, mereka mendapati ada sokongan kepada hipotesis bahawa darjah bersandaran di kalangan ahli-ahli kumpulan mempengaruhi tingkah laku kepimpinan jurulatih yang digemari. Menurut mereka, atlet-atlet yang menyertai sukan-sukan yang memerlukan interaksi di kalangan ahli pasukan (contohnya bersandaran atau sukan terbuka) menunjukkan kegemaran yang lebih kepada gaya kejurulatihan autokratik, dan kurang menggemari gaya kejurulatihan demokratik berbanding rakan-rakan yang menyertai sukan tidak bersandar (contohnya sukan bukan-interaksi atau tertutup). Menurut Chelladurai dan Saleh (1980) atlet sukan berpasukan(sukan terbuka) memerlukan banyak interaksi semasa menjalani latihan berbanding dengan atlet sukan tertutup. Sehubungan itu, atlet sukan terbuka lebih mengutamakan latihan dan arahan dalam dimensi kepimpinan berbanding dengan atlet sukan tertutup.

Manakala Chelladurai dan Arnott (1985) dalam satu kajian yang dijalankan dalam kalangan atlet universiti untuk mengenal pasti jenis-jenis gaya pembuatan keputusan jurulatih yang digemari oleh atlet-atlet, mendapati atlet perempuan secara signifikan menggemari gaya penyertaan, di mana jurulatih membenarkan atlet-atlet menyertai dalam proses membuat keputusan, berbanding atlet lelaki. Atlet-atlet lelaki dan perempuan berbeza dari darjah kegemaran terhadap gaya kepimpinan autokratik lawan demokratik. Analisis Chelladurai (1980) menunjukkan lelaki gemar dilatih di bawah rejim autokratik, manakala perempuan menggemari gaya kepimpinan demokratik.

Bagi kajian yang dijalankan oleh Shaharudin (2004) pada atlet SUKMA di Perak pula mendapati gaya kepimpinan yang paling digemari oleh atlet adalah maklum baklas positif ($M=4.3$, $SD=.70$), manakala gaya kepimpinan yang paling kurang digemari adalah autokratik ($M=2.5$, $SD=.55$). Pendekatan secara maklum balas positif adalah sesuai untuk atlet muda kerana mereka kurang pengalaman dan memerlukan maklum balas serta tunjuk ajar yang sewajarnya dari jurulatih mereka. Jika wujudnya keselarasan antara kehendak atlet (gaya kepimpinan dan perwatakan jurulatih) dengan kehendak dan perlakuan jurulatih, maka kepuasan serta prestasi atlet meningkat. Jika sebaliknya berlaku, prestasi serta tahap kepuasan atlet akan menurun (Chelladurai, 1990).

Dalam kajian yang dijalankan oleh Terry dan Howe (1984) pula tidak menjumpai perbezaan jantina dalam kegemaran tingkah laku kepimpinan jurulatih dalam sampel atlet-atlet berumur 40 tahun. Manakala Smoll dan Smith (1989) pula melaporkan atlet adalah lebih memahami tingkah laku kepimpinan sebenar jurulatih berbanding jurulatih-jurulatih sendiri.

Dimensi kepimpinan juga dicadangkan dan dijalankan oleh Patterson (2005) yang telah menunjukkan kesahan kajian oleh Creswell (1994). Kajian yang telah dijalankan oleh Patterson (2005) adalah untuk mengukur gaya kepimpinan yang lebih disukai oleh pemain bola sepak profesional, di mana kajian yang dijalankan adalah berhubung kait dengan hubungan sosial, kelakuan jurulatih yang demokratik serta kelakuan maklumbalas positif pemain yang dikajinya. Patterson juga membuat perbincangan bahawa gaya kepimpinan jurulatih dapat mempengaruhi kejayaan sesuatu pasukan. Memandangkan mutu sukan di negara kita masih berada pada tahap pembangunan dan kurang memuaskan lagi maka ianya wajar dijalankan kajian yang berkaitan dengan kepimpinan seseorang jurulatih kerana ia banyak mempengaruhi kejayaan sesebuah pasukan.

METODOLOGI KAJIAN

PEMILIHAN SAMPEL

Seramai 162 atlet sekolah menengah di Daerah Segamat, Johor dipilih untuk menyertai dalam kajian ini. Sampel berusia antara 13 hingga 16 tahun ($M=14.90$, $SD=1.15$) yang terdiri daripada 81 orang lelaki dan 81 orang perempuan. Mereka berlatarbelakangkan permainan sukan yang berbeza yang merangkumi bola sepak, bola jaring, bola tampar, tenis, badminton, silat, sepak takraw, bola keranjang, ping pong, skuasy dan olahraga.

Sampel-sampel yang dipilih terdiri daripada atlet yang pernah mewakili sekolah ke peringkat daerah, negeri dan Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) dan kebangsaan. Mereka telah menjalani latihan dari awal tahun sehingga ke bulan Ogos 2006. Sampel yang dipilih mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya pernah menjalani latihan pusat di peringkat sekolah.

INSTRUMEN KAJIAN

Leadership Scale for Sports (LSS) yang telah dicipta oleh Chelladurai dan Saleh (1980) telah digunakan untuk mendapatkan data dari sampel yang dipilih. Soal selidik LSS ini terdiri dari 40 soalan yang menguji yang berkaitan dengan 5 dimensi tingkahlaku kepimpinan iaitu latihan dan arahan, 13 soalan; demokratik, 9 soalan; autokratik, 5 soalan; sokongan sosial, 8 soalan; dan ganjaran (maklumbalas positif), 5 soalan. Instrumen ini mengikut format Likert, iaitu terdapat lima alternatif tindakbalas- tidak pernah, jarang, sekali-kala, seringkali dan selalu. Nilai kebolehppercayaan soal selidik ini adalah di antara 0.79 sehingga 0.90 (Chelladurai & Saleh, 1980; Chelladurai et al., 1988). Lima dimensi tingkahlaku tersebut adalah:

- i. Latihan dan arahan- tingkah laku yang menekankan kepada peningkatan prestasi melalui latihan dan tunjuk ajar bagi memudahkan penguasaan teknik, kemahiran dan taktik dalam sukan.
- ii. Demokratik- tingkah laku yang menekankan penglibatan atlet dalam membuat keputusan terhadap matlamat, bentuk latihan dan strategi permainan.
- iii. Autokratik- tingkah laku yang menekankan kuasa secara mutlak kepada jurulatih dengan penekanan kepada autoriti sepenuhnya.
- iv. Sokongan sosial- tingkah laku yang prihatin terhadap kebajikan atlet, persekitaran kumpulan yang positif dan hubungan interpersonal yang baik dengan atlet.
- v. Maklum balas positif- tingkah laku yang menekankan kepada pengukuhan sikap atlet dengan maklum balas yang sesuai sebagai pengiktirafan dan juga pemberian bentuk ganjaran yang sesuai bagi pencapaian baik atlet.

Soal selidik diuruskan secara peribadi kepada sampel kajian. Kajian kesahan yang dibuat ke atas pemain bola keranjang di Universiti Cankaya oleh Chelladurai dan Salleh menunjukkan konsistensi internal dalam lingkungan 0.57 (tingkahlaku autokratik) kepada 0.83 (latihan dan arahan) dalam versi dan dari 0.79 (tingkahlaku autokratik) kepada 0.93 (latihan dan arahan). Sebelum borang soal-selidik diagihkan kepada sampel, pengkaji terlebih dahulu memberi borang soal-selidik tersebut kepada dua orang pakar dalam bidang psikologi sukan dari Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia untuk disahkan penggunaan borang soal-selidik tersebut dan kesahihannya dapat diterima oleh golongan yang ingin dikaji oleh pengkaji.

PROSEDUR

Surat kebenaran untuk menjalankan kajian dihantar ke Jabatan Pendidikan Negeri untuk mendapatkan kebenaran membuat penyelidikan ini. Pihak sekolah, jurulatih dan guru serta pengurus pasukan dihubungi dan dijelaskan bahawa tujuan kajian dijalankan untuk menguji perasaan atlet tentang gaya kepimpinan jurulatih mereka terhadap kumpulan mereka dan kejayaan kumpulan. Selepas memperolehi kebenaran, penyelidik telah berjumpa dengan atlet-atlet dan jurulatih-jurulatih serta pengurus pasukan untuk menerangkan tujuan kajian ini dan meminta mereka menyertai kajian ini dengan ikhlas. Penyertaan individu adalah secara sukarela dan persetujuan diperolehi oleh semua peserta. Jika individu berumur bawah 18 tahun, persetujuan dari ibubapa diambil.

Persampelan rawak mudah digunakan untuk menentukan atlet yang akan dipilih menjadi responden. Responden tersebut dipilih secara rawak dari sekolah-sekolah menengah di daerah Segamat yang mewakili sekurang-kurangnya sekolah dalam jenis sukan yang dipertandingkan iaitu bola sepak, bola jaring, bola tampar, badminton, tenis, skuasy, ping pong, bola baling, bola keranjang, silat, sepak takraw dan olahraga.

Soal selidik Leadership Scale for Sport (LSS) diberikan kepada responden untuk dijawab, sebelum habisnya setiap musim pertandingan biasa pasukan. Ianya dilakukan oleh jurulatih di sekolah masing-masing. Soal selidik dijalankan pada masa perjumpaan atau latihan pasukan, bukan pada masa sejourus sebelum atau selepas sesuatu pertandingan untuk mengelakkan bias di kalangan tindak balas peserta. Walaupun semua ahli setiap pasukan melengkapkan soal selidik pada perjumpaan kumpulan, kepentingan tindakbalas yang bebas ditekankan pada masa soal selidik dijalankan. Peserta diminta melengkapkan soal selidik secara bersendirian dan tanpa berhubung dengan ahli kumpulan mereka.

ANALISIS DATA

Data yang diperolehi oleh penyelidik akan dianalisis dengan menggunakan komputer manakala program yang digunakan adalah Statistikal Package of Social Science (SPSS) versi 10.0. Menurut Mohd Majid Kanting (1990), penganalisan data berstatistik dengan menggunakan perisian ini dapat menghasilkan pengiraan yang tepat dan cepat. Penyelidikan menggunakan analisis ujian-t untuk melihat perbezaan gaya kepimpinan di kalangan atlet

sekolah mengikut jantina dan jenis sukan (individu dan berpasukan). Selain itu, analisis One Way ANOVA digunakan untuk melihat perbezaan gaya kepimpinan di kalangan atlet sekolah mengikut bangsa dan peringkat pencapaian.

DAPATAN KAJIAN

DATA DEMOGRAFI

Analisis statistik menunjukkan kesemua responden berumur antara 13 hingga 17 ($M=14.90$, $SD=1.15$), di mana minimum umur sampel adalah 13 tahun dan maksimum umur sampel adalah 16 ketika kajian dijalankan.

Jadual 1: Data Demografi Responden

Item	N=162	
Umur	n	Peratus Responden (%)
13 tahun	22	13.58
14 tahun	49	30.25
15 tahun	14	8.64
16 tahun	77	47.53
Jumlah	162	100.00
Jantina		
Lelaki	81	50.00
Perempuan	81	50.00
Jumlah	162	100.00
Jenis sukan		
Sukan Individu	65	40.12
Sukan Berpasukan	97	59.88
Jumlah	162	100.00
Peringkat Pencapaian		
Kebangsaan	4	2.47
Negeri	10	6.17
Daerah	58	35.80
Sekolah	90	55.56
Jumlah	162	100.00

STATISTIK INFERENSI

Ujian-t Bebas

Ujian-t bebas dijalankan untuk menguji adalah perbezaan gaya kepimpinan jurulatih terhadap jantina responden. Analisis menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara responden lelaki dan perempuan dalam corak latihan dan arahan, $p > 0.05$. Begitu juga apabila corak kepimpinan sosial dibandingkan antara lelaki dan perempuan, $p > 0.05$. Walau bagaimanapun, dalam corak kepimpinan demokratik, autokratik dan ganjaran antara jantina menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan, di mana corak kepimpinan demokratik $t(141.61) = -18.89$, $p < 0.05$ dan corak kepimpinan autokratik pula $t(160) = 4.49$, $p < 0.05$, serta corak kepimpinan ganjaran juga menunjukkan $t(160) = -4.25$, $p < 0.05$. Keputusan ini diringkaskan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Analisis Ujian-t Bebas Perbandingan Lelaki dan Perempuan bagi corak kepimpinan demokrasi, autokratik dan ganjaran.

Dimensi Kepimpinan	n	Min	SD	t	p
Demokrasi					
Lelaki	81	2.36	0.41	-18.89	0.001
Perempuan	81	3.89	0.60		
Autokratik					
Lelaki	81	2.95	0.80	4.49	0.001
Perempuan	81	2.42	0.70		
Ganjaran					
Lelaki	81	2.81	0.50	-4.25	0.001
Perempuan	81	3.13	0.47		

Bagi ujian-t bebas yang dijalankan untuk menguji adakah terdapat perbezaan gaya kepimpinan jurulatih terhadap jenis sukan iaitu individu dan berpasukan, analisis menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dalam jenis sukan corak kepimpinan dalam kesemua dimensi iaitu latihan dan arahan, demokratik, autokratik, sosial dan ganjaran iaitu $p > 0.05$.

Analisis One Way Anova

Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan kecenderungan terhadap setiap dimensi dalam gaya kepimpinan di antara responden mengikut bangsa iaitu $p > 0.05$

Walau bagaimanapun, apabila analisis One Way ANOVA dibuat mengikut peringkat pencapaian atlet, didapati terdapat perbezaan yang signifikan terhadap corak kepimpinan latihan dan arahan, $F_{df(3,158)} = 2.80$, $p < 0.05$; corak kepimpinan autokratik, $F_{df(3,158)} = 10.60$, $p < 0.001$ dan corak kepimpinan berbentuk ganjaran, $F_{df(3,158)} = 3.98$, $p < 0.001$. Aras signifikan ini didahului tahap pencapaian tertinggi sehingga terendah iaitu peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan akhir sekali adalah sekolah. Manakala dimensi selebihnya iaitu demokratik dan gaya sosial tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap peringkat pencapaian atlet iaitu $p > 0.05$. Jadual 3 di bawah meringkaskan hasil analisis One Way ANOVA terhadap pencapaian atlet.

Jadual 3 : Data Analisis One Way ANOVA Terhadap Pencapaian Atlet Mengikut Peringkat.

Dimensi Kepimpinan	n	MIN	SD	Signifikan F	p	Post Hoc
Latihan dan arahan						
Kebangsaan	4	4.50	0.40	2.80*	0.042	K>N,D,S
Negeri	10	4.28	0.34			
Daerah	58	4.13	0.38			
Sekolah	90	3.93	0.71			
Autokratik						
Kebangsaan	4	4.40	0.54	10.60***	0.001	K>N,D,S
Negeri	10	2.68	0.82			
Daerah	58	2.41	0.60			
Sekolah	90	2.79	0.80			
Ganjaran						
Kebangsaan	4	2.75	0.76	3.98***	0.009	D>S,N,K
Negeri	10	2.80	0.67			
Daerah	58	3.15	0.52			
Sekolah	90	2.88	0.45			

* $p < 0.05$, ** $p < 0.01$, *** $p < 0.001$

PERBINCANGAN

Kajian ini dijalankan bagi melihat perbezaan antara jantina dan jenis sukan terhadap gaya kepimpinan jurulatih sukan yang diminati oleh atlet di sekolah menengah di daerah Segamat pada tahun 2006. Kita sedia maklum bahawa kejayaan dalam sukan sebenarnya berkait rapat dengan pelbagai faktor seperti tahap kecergasan atlet, motivasi atlet dan sebagainya (Chelladurai & Salleh, 1980). Kesemua faktor ini berhubung terus dengan gaya kepimpinan jurulatih semasa melatih atlet kerana sesetengah gaya kepimpinan diminati atlet tetapi sesetengah lagi tidak diminati atlet. Jadi, untuk melihat kesahihannya, kajian ini dijalankan di peringkat sekolah menengah kerana ramai bakat atlet muda yang dicungkil semasa berada di sekolah menengah menerusi pertandingan yang dijalankan di peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan.

Hasil kajian mendapati tiada perbezaan yang signifikan antara jenis sukan iaitu sukan berbentuk individu dan berpasukan terhadap kepimpinan jurulatih sukan yang diminati oleh atlet lelaki dan perempuan dalam kesemua gaya dimensi kepimpinan iaitu latihan dan arahan, demokratik, autokratik, sosial, dan ganjaran di mana $P > 0.05$. Sehubungan itu, dapatan kajian ini tidak menyokong dapatan kajian terdahulu. Terry (1984) dalam kajiannya yang juga menjalankan kajian jenis sukan individu dan berpasukan mendapati atlet-atlet yang menyertai sukan berpasukan lebih menggemari gaya kepimpinan latihan dan arahan, demokratik dan ganjaran. Pengkaji mendapati beberapa faktor yang mungkin mempengaruhi dapatan kajian ini berbeza dari dapatan kajian terdahulu. Faktor-faktor tersebut adalah umur responden dan kematangan atlet dalam sukan berpasukan.

Faktor perbezaan umur responden kajian ini dengan kajian terdahulu mungkin menyumbang kepada perbezaan dapatan kajian yang dibuat. Kajian ini dijalankan ke atas responden yang berumur antara 13 hingga 16 ($M=14.90$, $SD=1.15$), manakala kajian terdahulu dijalankan ke atas responden yang berumur 40 tahun.

Berdasarkan Model Kepimpinan Multidimensi (Chelladurai, 1990), tahap kepuasan hati dan peningkatan prestasi atlet berkait rapat dengan tahap kematangan mereka. Berdasarkan kepada purata umur atlet (16 tahun), dapat disimpulkan kebanyakan mereka masih muda dan agak baru dalam bidang sukan yang diceburi secara kompetitif. Kita juga sedia maklum

bahawa di Malaysia, semasa pertandingan berlangsung, atlet berpasukan ini terdiri daripada sekolah yang berlainan. Atlet ini dipilih dan dipanggil menjalani latihan pusat dalam masa yang singkat. Keadaan ini mungkin menyebabkan atlet tidak mempunyai masa yang banyak untuk bersama jurulatih disebabkan oleh kekerapan latihan dan atlet ini hanya berkumpul semasa menjalani latihan dan pertandingan sahaja iaitu lebih kurang dua minggu sahaja. Keadaan yang terlalu singkat ini kemungkinan menimbulkan rasa was-was dalam kalangan atlet terhadap gaya kepimpinan yang ditunjukkan oleh jurulatih mereka.

Dari segi perbezaan jantina pula, kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam kegemaran lelaki dan perempuan pada gaya kepimpinan jurulatih dalam dimensi demokratik, autokratik dan ganjaran, $P < 0.05$. Hasil kajian menunjukkan atlet lelaki lebih meminati gaya kepimpinan autokratik berbanding atlet perempuan, manakala atlet perempuan pula lebih meminati gaya kepimpinan demokratik. Hasil dari kajian tersebut juga didapati atlet lelaki lebih meminati corak kepimpinan ganjaran berbanding atlet perempuan. Dapatan kajian ini telah menyokong kajian terdahulu yang dijalankan oleh Chelladurai dan Arnott (1985) yang mendapati atlet lelaki lebih menggemari gaya kepimpinan autokratik manakala atlet perempuan pula lebih menggemari gaya kepimpinan demokratik. Selain daripada itu, kajian yang dijalankan oleh Chelladurai et al. (1988) juga mendapati atlet wanita lebih menyukai jurulatih yang memberi sokongan sosial dan demokratik sementara atlet lelaki pula lebih menyukai jurulatih yang bersikap memberi sokongan sosial dan autokratik. Keadaan ini mungkin disebabkan atlet perempuan secara semulajadinya lebih suka kepada cara yang demokratik berbanding atlet lelaki yang lebih suka kepada corak autokratik. Sehubungan itu, dapat disimpulkan bahawa secara umumnya kajian yang telah dijalankan ini menyokong kajian lepas walaupun umur dan tahap kematangan sampel berbeza dengan kajian yang dijalankan sekarang.

Sementara itu, kajian Shaharudin (2004) mendapati atlet muda lebih menggemari gaya kepimpinan jurulatih jenis latihan dan arahan serta sosial. Dapatan kajian ini tidak menyokong kajian Shaharudin. Ini mungkin kerana tempoh penglibatan atlet bersama jurulatih dan ahli pasukan adalah singkat. Di samping itu, kebanyakan pasukan sekolah menggalakkan atlet berlatih sendiri semasa latihan pusat dijalankan. Oleh itu, pergaulan sesama atlet dan juga atlet dengan jurulatih adalah terhad dan menyebabkan mereka tidak memahami gaya kepimpinan yang ditunjukkan oleh jurulatih.

Analisis One Way ANOVA dalam kajian ini juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dalam kalangan atlet mengikut peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan dalam dimensi gaya kepimpinan autokratik, $P < 0.05$ diikuti demokratik $P < 0.001$ dan seterusnya ganjaran $P < 0.001$. Didapati semakin tinggi pencapaian atlet dalam sukan, iaitu pada peringkat kebangsaan, atlet semakin menggemari gaya kepimpinan autokratik dan demokratik. Ini diikuti di peringkat negeri, daerah dan akhir sekali di peringkat sekolah. Ini menunjukkan semakin kompetitif sukan tersebut, maka atlet semakin menggemari gaya kepimpinan autokratik dan diikuti demokratik. Ini kerana semakin tinggi dan semakin lama atlet berkecimpung dalam sukan yang disertai, atlet ini cenderung dengan gaya autokratik dan demokratik. Lantaran itu, pendekatan ini memberikan mereka lebih ruang untuk berlatih bersama dengan jurulatih (Chelladurai, 1990). Didapati bagi dimensi ganjaran pula post hoc menunjukkan daerah mendahului kemudian disusuli sekolah, negeri dan seterusnya kebangsaan. Keadaan ini tidak sama dengan gaya autokratik dan demokratik, atlet berkemungkinan segan atau malu untuk meminta ganjaran dengan jurulatih disebabkan masa atlet bersama jurulatih adalah kurang iaitu cuma dua minggu menjalani bersama jurulatih sebelum bertanding.

Cadangan untuk kajian pada masa akan datang harus disasarkan kepada atlet sekolah yang mewakili sukan di peringkat tinggi iaitu peringkat negeri atau kebangsaan. Umur sampel juga harus disasarkan kepada atlet menengah atas sahaja iaitu atlet yang berumur 16 tahun dan ke atas. Ini kerana faktor kematangan dan pengalaman bermain adalah amat penting untuk memastikan atlet memahami soalan dalam soal selidik yang diberikan. Di samping itu, atlet yang disasarkan perlulah dikawal-selia dengan baik. Memang tidak dapat dinafikan masa atlet bersama jurulatih perlulah lama supaya atlet lebih memahami jurulatih mereka, contohnya sasaran populasi seperti Sekolah Sukan Malaysia di Bukit Jalil dan Bandar Penawar berbanding sekolah harian biasa. Di samping itu juga, disarankan juga penyelidik akan datang untuk mengkaji perkaitan gaya kepimpinan dengan kesepaduan sukan kerana dikatakan gaya kepimpinan jurulatih mempergaruhi kesepaduan pasukan. Selain itu, perkaitan antara gaya kepimpinan dengan orientasi matlamat kerana setiap individu mempunyai orientasi matlamat yang berbeza antara satu sama lain yang mempergaruhi gaya kepimpinan jurulatih.

RUJUKAN

- Carron, A.V., Widmeyer, W.N., & Brawley, L.R. 1985. The development of an instrument to assess cohesion in sport teams: The group environment questionnaire. *Journal of Sport Psychology*. 7: 244-266.
- Carthen, J.D. 2005. Transactional leadership in professional football: Is servant leadership the preferred alternative? <http://www.regent.edu.com>.
- Chelladurai, P. 1990. Leadership in sport: A review. *International Journal of Sport Psychology*. 21: 328-354.
- Chelladurai, P., Imamura, H., Yamaguchi, H., Oinuma, Y., & Miauchi, T. 1988. Sport leadership in a cross-sectional setting: The case of the Japanese and Canadian university. *Journal of Sport and Exercise Psychology*. 10: 374-89.
- Chelladurai, P. & Arnott, M. 1985. Decision making styles in coaching preferences in basketball players. *Research Quarterly for Exercise and Sports*. 56: 15-24.
- Chelladurai, P. 1980. Leadership in sports organizations. *Canadian Journal of Applied Sports Sciences*. 5: 226-231.
- Chelladurai, P. & Saleh, S.D. 1980. Dimension of leadership behavior in sports: Development of a leadership scale. *Journal of Sports Psychology*. 2: 34-35.
- Creswell, J.W. 1994. *Research design: Qualitative & quantitative approaches*. California, Thousand Oaks. <http://www.fifaworldcup.com>
- Patterson, M.M., Carron, A.V. & Luoghead, T.M. 2005. The influence of team norms on the cohesion-self-reported performance relationship: A multi-level analysis. *Psychology of sport and exercise*. 6: 479-493.

Shaharudin, A.A. 2004. Perkaitan di antara orientasi matlamat dan stail kepimpinan dengan pencapaian atlet SUKMA negeri Perak di Kejohanan SUKMA 2004. <http://ppp.upsi.edu.my/eWacana/Sukma.htm>.

Smoll, F.L., & Smith, R.E. 1989. Leadership behaviors in sport: A theoretical model and research paradigm. *Journal of Applied Social Psychology*. 19: 1522-1551.

Terry, P.C. 1984. The coaching preferences of elite athletes competing at Universiade '83. *Canadian Journal of Applied Sports Sciences*. 9: 201-208.

Terry, P.C. & Howe, B. 1984. Coaching preferences of atheletes. *Canadian Journal of Applied Sports Sciences*. 9: 188-193.